

PANDUAN PEMERIKSAAN KENDERAAN E-HAILING

(Rujukan Pelanggan PUSPAKOM)



Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini boleh diterbitkan semula atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan/atau sistem menyalin kecuali dengan keizinan bertulis PUSPAKOM Sdn Bhd.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1	PENGENALAN	4
2	SINGKATAN	5
3	DOKUMENTASI	6
4	FI PEMERIKSAAN	7
5	PROSEDUR PEMERIKSAAN	8
6	PENGESAHAN IDENTITI	8 - 9
7	PEMERIKSAAN BAHAGIAN ATAS	10
	i. Keadaan Badan	10 - 11
	ii. Keadaan Pintu dan Cermin	12 - 14
	iii. Tayar / Rim / Gandar	14 - 15
	iv. Sistem Stereng	15 - 16
	v. Sistem Brek	16 - 19
	vi. Sistem Penyejukan	19 - 20
	vii. Enjin / Ekzos / Transmisi	20 - 23
	viii. Lampu	24 - 25
	ix. Kelengkapan Umum	25

8	PEMERIKSAAN BAHAGIAN BAWAH	26
	i. Gandar	26
	ii. Sistem Stereng	26
	iii. Suspensi	26 - 30
	iv. Enjin / Ekzos / Transmisi	31
9	KELENGKAPAN UMUM	32 - 33
10	PEMERIKSAAN KETELUSAN CAHAYA CERMIN	34
11	PIAWAIAN PEMERIKSAAN	34
	i. Ujian Asap (Enjin Diesel)	34
	ii. Gas Analisa (Enjin Petrol)	34
	iii. Ujian Gelincir Sisi	34
	iv. Ujian Suspensi	34
	v. Ujian Brek	35
12	SOALAN LAZIM	36 - 37
13	MAKLUMBALAS BERHUBUNG PEMERIKSAAN KENDERAAN	37
14	<i>WHISTLEBLOWER POLICY</i>	38
15	TERMA & SYARAT	38
16	RUJUKAN	39

PENGENALAN

PUSPAKOM merupakan pakar pemeriksaan kenderaan di Malaysia. Pemeriksaan kami melindungi keselamatan pemandu, penumpang, pengguna jalanraya dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 56 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.

Panduan pemeriksaan kenderaan ini akan memberikan gambaran yang jelas akan pemeriksaan yang dijalankan di setiap cawangan PUSPAKOM. Ini termasuklah jenis-jenis pemeriksaan, kadar bayaran, dokumen-dokumen yang diperlukan, proses pemeriksaan dan pelbagai lagi maklumat yang berguna. Segala maklumat di dalam naskah ini akan dapat membantu setiap pelanggan dalam penyediaan kenderaan mereka sebelum pemeriksaan dan melalui keseluruhan proses pemeriksaan dengan mudah dan cepat, tanpa mengharungi sebarang masalah.

SINGKATAN

JPJ	- Jabatan Pengangkutan Jalan
JPJ KA	- Jabatan Pengangkutan Jalan (Kejuruteraan Automotif)
APAD	- Agensi Pengangkutan Awam Darat
LPKP	- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
JAS	- Jabatan Alam Sekitar
JPJK2	- Kad Pendaftaran Kenderaan
VOC	- Sijil Pemilikan Kenderaan / <i>Vehicle of Certificate</i>
VR1	- Laporan Pemeriksaan Kenderaan
A16	- Laporan Kegagalan Pemeriksaan Awalan
PG11A	- Laporan Pemeriksaan Awalan
PG1	- Notis Larangan Penggunaan Sesebuah Kereta Motor
STB	- Sijil Timbang Berat
E-Hailing	- Satu kenderaan motor yang mempunyai muatan tempat duduk 4 – 11 (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan tambang perseorangan mahupun berasingan. Dikira menerusi tempahan atau transaksi dan tambang perjalanan itu dipermudahkan melalui aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan

DOKUMENTASI

Dokumen Yang Diperlukan	
<p>Pemeriksaan Berkala Pertama (khusus untuk kenderaan yang berusia 3 – 10 tahun* yang tiada VOC E-Hailing)</p> <p><i>*Usia kenderaan: CKD : Usia kenderaan daripada tarikh didaftarkan di JPJ</i></p> <p><i>CBU : Usia kenderaan daripada tahun dibuat oleh pengeluar kenderaan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ JPJK2/VOC (Asal) atau Salinan JPJK2/VOC (disahkan oleh JPJ) atau Butiran Pendaftaran Kenderaan (daripada JPJ) ❖ Permit Kenderaan E-Hailing (No. Rujukan Permit / eVP) ❖ Surat Kelulusan Pemasangan Iklan Pada Badan Kenderaan JPJ** ❖ Surat Pemasangan NGV**
<p>Pemeriksaan Berkala</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ JPJK2/VOC (Asal) atau Salinan JPJK2/VOC (disahkan oleh JPJ) atau Butiran Pendaftaran Kenderaan (daripada JPJ) ❖ Permit Kenderaan E-Hailing (No. Rujukan Permit / eVP) ❖ Disk Pemeriksaan Terkini ❖ Saman JPJ / Resit Kompaun (jika kenderaan gagal menghadiri pemeriksaan pada tarikh yang telah ditetapkan)** ❖ Surat Kelulusan tunda tarikh pemeriksaan JPJ** ❖ Surat Kelulusan Pemasangan Iklan Pada Badan Kenderaan JPJ** ❖ Surat Pemasangan NGV** ❖ Surat Kelulusan Pengubahsuaian daripada Pihak Berkenaan**
<p>Pemeriksaan Semula</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ JPJK2/VOC (Asal) atau Salinan JPJK2/VOC (disahkan oleh JPJ) atau Butiran Pendaftaran Kenderaan (daripada JPJ) ❖ Laporan Pemeriksaan Terkini (VR1 / A16) ❖ PG1 (Gagal ujian brek 3 kali berturut-turut)** ❖ Surat Kelulusan Pengubahsuaian daripada Pihak Berkenaan**

Pemeriksaan Khas	<ul style="list-style-type: none"> ❖ JPJK2/VOC (Asal) atau Salinan JPJK2/VOC (disahkan oleh JPJ) atau Butiran Pendaftaran Kenderaan (daripada JPJ) ❖ Dokumen berkaitan dengan tujuan pemeriksaan ❖ Surat Kelulusan Pengubahsuaian daripada Pihak Berkenaan**
Pemeriksaan Arahan Pihak Berkuasa	<ul style="list-style-type: none"> ❖ JPJK2/VOC (Asal) atau Salinan JPJK2/VOC (disahkan oleh JPJ) atau Butiran Pendaftaran Kenderaan (daripada JPJ) ❖ Dokumen berkaitan dengan tujuan pemeriksaan

Nota: ** adalah yang berkaitan sahaja

FI PEMERIKSAAN


Jenis Pemeriksaan	Fi Pemeriksaan
Berkala Pertama	70
Berkala	55
Semula	25
Khas	25
Arahan Pihak Berkuasa	35
Pemeriksaan Sukarela	50
Pemeriksaan Sukarela (Single Item)	15

Nota: Fi Pemeriksaan tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan

PROSEDUR PEMERIKSAAN

PENGESAHAN IDENTITI

Nombor Casis	<ul style="list-style-type: none"> • Jelas, terang dan tidak terusik • Tiada sebarang gangguan termasuk tapaknya
Nombor Enjin	<ul style="list-style-type: none"> • Nombor sama sepertimana tercatat pada JPJK2 / Butir-butir Kenderaan (Asal), VOC (Asal atau Salinan yang Disahkan oleh JPJ)
Nombor Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> • Huruf dan angka berwarna putih, latar belakang hitam • Saiz huruf, rujuk Gambar 1 dan Gambar 1a <ul style="list-style-type: none"> i. Tinggi : 70mm ii. Lebar : 40mm iii. Tebal : 10mm iv. Jarak antara huruf dan angka : 30mm v. Jarak antara huruf dan huruf : 10mm vi. Jarak antara angka dan angka : 10mm <div style="text-align: center;">  <p>Gambar 1</p> </div>



Gambar 1a

- Dipamerkan di hadapan dan di belakang secara menegak (*vertical*)
- Dipamerkan dengan jelas, terang, kemas, tidak patah dan tidak terlindung

	 <p style="text-align: center;">Gambar 1b</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor Pendaftaran Khas (cth : <i>Malaysia, Proton</i> dll) dibenarkan • Spesifikasi nombor boleh dirujuk kepada Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Perlesenan) 1959
--	---

PEMERIKSAAN BAHAGIAN ATAS

KEADAAN BADAN	
<p>Badan Kenderaan (<i>Body Work</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan badan, pintu, bonet, bumbung, <i>bumper</i> tidak reput, tidak bocor dan keseluruhan badan kenderaan dalam keadaan baik • Tiada pemasangan <i>bodykit</i> yang <i>extreme</i> (contoh: <i>spoiler</i> tinggi dan lain-lain) • Tiada pengubahsuaian daripada spesifikasi asal • Pembaikan dan penukaran perlu kelulusan JPJ <ol style="list-style-type: none"> i. <i>VIN Panel</i> ii. <i>Wheelhouse Front and Rear</i> iii. <i>Roof Panel</i> iv. <i>Pillar Front, Centre Body and Rear</i> v. <i>Chassis Member Front and Rear</i> vi. <i>Chassis Frame</i>

<i>Paint Work</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pudar dari warna asal dan tidak terkopek / tertanggal • Tidak menyerupai warna / corak rasmi kenderaan penguatkuasa • Tidak menyerupai warna kenderaan perkhidmatan awam yang lain (teksi, kereta sewa dan lain-lain) • Tidak melebihi 2 warna / tidak berbelang-belang
<i>Hood dan Boot</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh dibuka dan ditutup dengan kemas (Mekanisma kunci berfungsi dengan baik) • Panel tidak berkarat atau tidak reput • Cat berada dalam keadaan baik • <i>Hinges</i> tidak longgar atau tidak patah • <i>Rubber Beading</i> dipasang, tidak pecah atau tidak koyak
<i>Body / Cab Sagging</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Cab mounting</i> tidak pecah • Sistem suspensi berada dalam keadaan baik • Rangka casis dan <i>cross member</i> tidak terpulas (<i>twisted</i>) • Perbezaan ketinggian kiri dan kanan kenderaan tidak terlalu ketara, dilihat daripada paras bumi ke ketinggian <i>mudguard</i> atau badan
Kerangka Casis	<ul style="list-style-type: none"> • Berkeadaan baik dan bersih • Tidak berkarat, tidak reput, tidak patah, tidak retak, tidak bengkok, tidak diubahsuai • Tiada potong dan sambung dari kiri ke kanan
Tangki Minyak, Penutup, <i>Mounting dan Bracket</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Tangki - Dipasang kemas, tidak kemek, tidak bocor, tidak karat - Tidak diubahsuai tanpa kebenaran • Penutup - Dipasang kemas • <i>Mounting dan bracket</i> - Diikat kemas, tidak reput dan diikat kemas
<i>Bumper</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Dipasang kemas, tidak longgar, tidak pecah dan tidak reput
KEADAAN PINTU DAN CERMIN	
Pintu	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Hinges</i> - Tidak renggang, tidak longgar dan tidak patah. Rujuk Gambar 3 • <i>Panel</i> - Tidak reput. Getah tidak koyak



Gambar 3

Mekanisma Pengunci
(*Door Latch and Lever*)

- Tidak longgar dan tidak tertanggal
- Boleh berfungsi dengan baik - tidak terbuka dengan sendiri
- Boleh dibuka dari luar dan dalam
- Tidak patah

Door / Windscreen Lining & Rubber Beading


- Tidak koyak
- Pemasangan kemas
- Rujuk Gambar 4

	 <p style="text-align: center;">Gambar 4</p>
<p>Door Frame & Pillar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak reput, tidak patah dan tidak bengkok • Tiada potong dan sambung
<p>Tingkap / Cermin Kenderaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh diturunkan dan dinaikkan atau gelongsor • Menggunakan cermin keselamatan (<i>safety glass</i>) • Cermin tidak retak melebihi 6 inci, tidak longgar dan tidak pecah • Cermin Hadapan - Tiada bahan yang menghalang penglihatan pemandu seperti pelekat dan lain-lain • Ketelusan cahaya mematuhi piawaian (Rujuk Pemeriksaan Ketelusan Cahaya Cermin muka surat 34) • Penggunaan cermin gelap yang tidak mematuhi piawaian perlu mendapatkan kelulusan JPJ
<p>Cermin Pandang Sisi & Cermin Pandang Belakang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan kemas • Tidak longgar dan tidak pecah • Sudut pandangan cermin boleh dilaras dengan baik

Pengelap Cermin Hadapan (Wiper)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Arm</i> - Dipasang kemas, berfungsi secara automatik dan bergerak selari, tidak patah, pergerakan menyeluruh meliputi pemandangan pemandu • <i>Blade</i> - Tidak koyak
Windscreen Washer	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Washer</i> - Berfungsi dengan baik • Rujuk Gambar 5 <div data-bbox="1108 384 1621 1070" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1294 1075 1435 1107">Gambar 5</p>
TAYAR / RIM / GANDAR	
Tayar	<ul style="list-style-type: none"> • Ketebalan bunga tidak kurang 1.6mm • Semua tayar memenuhi piawaian yang telah ditetapkan serta mempunyai tandaan (<i>marking</i>) iaitu: <ol style="list-style-type: none"> i. MS untuk Piawaian Malaysia ii. E bagi UNECE iii. DOT bagi Piawaian FMVSS

	<ul style="list-style-type: none"> • Tayar tidak terdapat: <ol style="list-style-type: none"> i. Gelembung berdiameter melebihi 1 inci (25mm) ii. Koyak atau terbelah melebihi 1 inci (25mm) iii. Lapisan yang terdedah sehingga menampakkan benang • Tayar dipasang pada kedudukan yang tidak tersentuh pada mana-mana bahagian kenderaan, tidak <i>lowered</i> dan tidak lebar melebihi asal badan kenderaan • Unjuran sisi tayar tidak melebihi lebar badan kenderaan • Pemasangan tayar yang lebih besar sehingga mengubah ketinggian keseluruhan kenderaan adalah tidak dibenarkan
Wheel Nut / Stud	<ul style="list-style-type: none"> • Semua <i>nut / stud</i> mencukupi, diikat kemas dan tidak patah
Rim	<ul style="list-style-type: none"> • Rim tidak bengkok dan tidak berkarat • Sekiranya rim atau tayar yang lebih besar digunakan, ianya mestilah ditutup sepenuhnya dengan <i>mudguards</i> atau <i>mudflap</i>
SISTEM STERENG	
Stereng	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Stereng Column</i> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Column shaft bush</i> tidak haus • <i>Stereng Wheel</i> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Bush</i> tidak haus atau tidak pecah ii. Berkeadaan baik dan <i>free-play</i> tidak melebihi 1/8 dari garis pusat, rujuk Gambar 6 <div data-bbox="1128 1018 1594 1289" style="text-align: center;"> <p>The diagram shows a steering wheel with a diameter of 16 inches. A vertical scale is positioned to the right of the wheel, with markings from 0 to 2. A bracket labeled 'Free-play' indicates the distance between the 0 and 1 markings on the scale, which corresponds to the maximum allowable free-play of 1/8 inch.</p> </div> <p style="text-align: center;">Gambar 6</p>


<p>Stereng Kuasa (Power Steering)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merangkumi semua jenis kenderaan yang dilengkapi dengan stereng kuasa (<i>power steering</i>) • Tidak diubahsuai • Berfungsi dengan baik • Minyak tidak bocor
<p><i>Steering Column Brackets / Bush</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Diikat kemas • Tidak retak dan longgar • Berfungsi dengan baik
<p>SISTEM BREK</p>	
<p>Brek Kaki</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pedal, rujuk Gambar 7 <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Free-play</i> (tidak lebih 25mm) ii. Pedal <i>bush</i> tidak haus berlebihan • Pad, rujuk Gambar 7 <ul style="list-style-type: none"> i. Tapak pad dalam berkeadaan baik, tidak koyak dan tidak pecah

	 <p>The diagram illustrates the brake pedal mechanism. It shows a hydraulic line connected to the pedal. A brake switch is mounted on the pedal's pivot point. The brake pedal pad is shown at the bottom of the pedal. A dimension line indicates the pedal free play, which is less than 25mm (<math><25\text{mm}</math>).</p> <p style="text-align: center;">Gambar 7</p>
<p>Bendalir Brek (<i>Brake Fluid</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kebocoran • <i>Reservoir</i> boleh ditutup kemas • Paras bendalir memuaskan
<p>Brek Parkir & <i>Linkages</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Brek Parkir, rujuk Gambar 8 <ol style="list-style-type: none"> i. Boleh digunakan dan berfungsi dengan baik ii. Sambungan mekanikal kemas tidak karat dan tidak longgar iii. Mekanikal <i>Parking Brake Freeplay</i> : max 5 klik




Gambar 8

	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Linkages</i> <ul style="list-style-type: none"> i. Dipasang kemas dan boleh berfungsi ii. Sambungan mekanikal tidak longgar atau tidak haus iii. Kabel tidak berkarat atau tidak putus
<p>Brek - Hos / Paip, Silinder & Servo</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hos / Paip, rujuk Gambar 9 <ul style="list-style-type: none"> i. Berkeadaan baik dan berfungsi ii. Tidak pecah, tidak retak, tidak kemek dan tidak bocor




Gambar 9

- Silinder, rujuk Gambar 10
 - i. Sambungan tidak patah atau tidak longgar
 - ii. Tidak bocor



Gambar 10

- Servo, rujuk Gambar 11
 - i. Berfungsi dengan baik




Gambar 11

SISTEM PENYEJUKKAN

Penghawa Dingin	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dengan baik • Suhu kurang daripada 24°C
Grill, Radiator, Water-pump, Fan dan Hose	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam keadaan baik • Tidak bocor dan tidak pecah • Radiator - mempunyai pressure cap

- Rujuk Gambar 12



Gambar 12

ENJIN / EKZOS / TRANSMISI


Engine Mounting

- Tidak diubahsuai, kemas dan bersih
- Tidak pecah atau tidak longgar
- Rujuk Gambar 13



Gambar 13


<p>Sistem NGV</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak bocor, tangki dipasang kemas • Pemasangan hendaklah dibuat di bengkel yang diiktiraf oleh pihak JPJ
<p>Transmisi – <i>Propeller Shaft</i> <i>Drive Shaft</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak diubahsuai • Tidak bengkok dan tidak retak • <i>Shaft</i> tidak bersentuhan pada mana-mana bahagian lain kenderaan • Tidak haus pada gelas shaft dan sendi universal
<p>Penyenyap & Paip Ekzos (<i>Silencer & Exhaust Pipe</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap kenderaan bermotor hendaklah dipasang dengan penyenyap dan paip ekzos • Dipasang dengan sempurna dan baik • Sambungan kemas dan tidak longgar • Tidak bocor • Dipasang pada kedudukan seperti yang ditetapkan • Tidak diubahsuai tanpa kebenaran • Rujuk Gambar 14 dan Gambar 14a <div data-bbox="1003 667 1727 1209" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1285 1214 1451 1246">Gambar 14</p>




Gambar 14a

Accelerator Pedal

- Freeplay accelerator pedal : max 25mm
- Accelerator Pedal Bush tidak haus
- Tapak pad dalam berkeadaan baik, tidak koyak dan tidak pecah
- Rujuk Gambar 16



	Gambar 16
Clutch Pedal	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Freeplay clutch</i> pedal : max 25mm • <i>Clutch Pedal Bush</i> tidak haus • Tapak pad dalam berkeadaan baik, tidak koyak dan tidak pecah • Rujuk Gambar 17 <div style="text-align: center;">  </div> <p style="text-align: center;">Gambar 17</p>
LAMPU	
Lampu Hadapan	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi lampu tinggi dan lampu rendah, dipasang kemas dan tidak longgar • Terang, tidak pecah dan tidak retak • Warna putih • Tiada pengubahsuaian daripada spesifikasi asal (<i>HID / STROBE Light</i> dan lain-lain)
Lampu Nombor Pendaftaran (Belakang)	<ul style="list-style-type: none"> • Warna putih, berfungsi, tidak retak dan tidak pecah • Dipasang dengan kemas dan menyuluh ke arah nombor pendaftaran • Tiada pengubahsuaian daripada spesifikasi asal (<i>HID / STROBE Light</i> dan lain-lain)
Lampu Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi • Dipasang kemas dan tidak longgar / bergoyang • Warna merah • Terang, tidak pecah dan tidak retak • Tidak menyala secara berkelip (<i>blinking</i>)
Lampu Berhenti	<ul style="list-style-type: none"> • Dipasang kemas dan tidak longgar

(<i>Stop Lamp</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyala dengan tetap semasa menekan brek • Warna merah • Tidak pecah dan tidak retak
Lampu Brek Ketiga (<i>Third Brake Lamp</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kenderaan binaan kilang yang mempunyai lampu brek ketiga seperti van, pick-up, MUV dan jip • Warna merah • Tidak menyala secara berkelip (<i>blinking</i>) • Dipasang di belakang kenderaan di bahagian tengah • Beroperasi secara serentak dengan lampu berhenti
Lampu Penunjuk Arah (<i>Direction Indicator</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dan dipasang dengan kemas dan tidak longgar • Tidak retak atau tidak pecah • Boleh berfungsi secara berkelip-kelip • Warna merah atau <i>amber</i> (Lampu Penunjuk Arah Belakang) • Warna putih atau <i>amber</i> (Lampu Penunjuk Arah Hadapan)
Lampu <i>Spotlight</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Dipasang di bahagian hadapan sahaja • Dipasang kemas, tersusun, tidak retak, tidak pecah dan tidak longgar • Tidak menghala ke belakang atau di pasang di belakang • Boleh berfungsi • Warna putih / kuning sahaja • Suis tidak dipasang dengan lampu utama
KELENGKAPAN UMUM	
Tempat Duduk Penumpang	<ul style="list-style-type: none"> • Berkeadaan baik, bersih dan kemas, tidak koyak sehingga berubah bentuk asal sehingga boleh mengakibatkan kecederaan
Tempat Duduk Pemandu	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Berkeadaan baik, bersih dan kemas, tidak koyak sehingga berubah bentuk asal sehingga boleh mengakibatkan kecederaan</i> • Tempat duduk boleh dilaras
<i>Dashboard</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bersih, kemas dan tidak pecah
Meter Laju / Odometer	<ul style="list-style-type: none"> • Kemas, bersih, tanda kelajuan adalah jelas dan berfungsi dengan baik
Alat Amaran (<i>Warning Instrument – Horn</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi dengan baik • <i>Monotone</i>. Tidak mengeluarkan bunyi – 2 nada, siren, gong dan loceng


Tali Pinggang Keselamatan / Penumpang	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi dan berkeadaan baik
---------------------------------------	---

PEMERIKSAAN BAHAGIAN BAWAH

GANDAR	
<i>Axle Shaft - Cover, Bolt and Nut</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan baik dan tidak karat <i>Bolt dan nut</i> mencukupi
<i>Axle Sub Frame</i>	<ul style="list-style-type: none"> Diikat kemas, tidak karat, tidak reput dan tidak bengkok
<i>Axle Rubber Stopper</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan baik, tidak reput dan tidak pecah
<i>King Pin and Bearing</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan baik dan tidak longgar
<i>Axle Bracket, Equalizer, Stabilizer Bar</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan baik, tidak karat, tidak bengkok, tidak patah dan tidak diubahsuai
SISTEM STERENG	
<i>Idler Arm / Sector Shaft</i>	<ul style="list-style-type: none"> Ikatan <i>bush</i> tidak longgar <i>Bush</i> tidak haus berlebihan Tidak retak Tiada sebarang pengubahsuaian
<i>Steering Linkage, Steering Box & Mounting</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi dan boleh digunakan Sambungan tidak longgar atau haus (Tidak melebihi 6 mm) Pengikat (<i>bolt & nuts</i>) tidak longgar atau tidak patah Tiada penyambungan tambahan pada <i>drag link</i> atau <i>rod</i> atau tiada sebarang pengubahsuaian
SUSPENSI	
Suspensi – Penyerap Hentak (<i>Shock Absorber</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Dipasang kemas dan berfungsi Tidak bocor dan tidak bengkok Tidak diubahsuai <i>Bush</i> tidak haus dan tidak pecah


Suspensi –
 Leaf Spring / Coil Spring / Spring
 Clips / Shackle Pins / Eyes /
 Bushes

- *Coil Spring*, rujuk Gambar 18
 - i. Berkeadaan baik dan berfungsi
 - ii. Tidak diubahsuai dan tidak patah / retak



Gambar 18

- *Leaf Spring*, rujuk Gambar 19
 - i. Berkeadaan baik dan berfungsi
 - ii. Tersusun kemas, tidak retak dan tidak patah
 - iii. Tidak diubahsuai
 - iv. Tiada berlaku penambahan bilangan leaf spring




Gambar 19

- *Spring Clips*, rujuk Gambar 20
 - i. *Bush* tidak haus dan tidak pecah



Gambar 20


- *Shackle Pins/Shackle Eyes/Bushes*, rujuk Gambar 21
 - i. Berkeadaan baik dan berfungsi
 - ii. Tidak retak atau patah dan tidak diubahsuai
 - iii. *Bush* tidak haus dan tidak pecah



Gambar 21

Suspensi – *Centre Bolt*


- Diikat kemas
- Tidak longgar dan tidak patah
- Rujuk Gambar 22





Gambar 22

Suspensi - Radius Arm, Upper and Lower Wish Bone Arm, Torsion Bar


- Tidak bengkok dan tidak retak
- Ikatan tidak longgar
- Bush tidak haus dan tidak pecah
- Rujuk Gambar 23



Gambar 23

ENJIN / EKZOS / TRANSMISI	
<i>Gear Box & Mounting</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak longgar atau tidak pecah • Tidak diubahsuai tanpa kebenaran (contoh auto ke manual atau sebaliknya). Perlu mendapatkan kelulusan JPJ • Rujuk Gambar 24 <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> <p style="text-align: center;">Gambar 24</p>
<i>Engine Oil Sump</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak bocor

KELENGKAPAN UMUM

<p>Segitiga Keselamatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berkeadaan baik, berbentuk segitiga sama dan boleh berdiri kukuh • Jenis pemantul cahaya berukuran 16' x 2' (405 x 51mm) • Diletak tidak kurang dari 46m dari belakang kenderaan • Rujuk Gambar 25 <div style="text-align: center;">  </div> <p style="text-align: center;">Gambar 25</p>
<p>Peti Pertolongan Cemas (bagi kenderaan yang melebihi 7 penumpang)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lengkap, bersih dan boleh digunakan, rujuk Gamabr 26 • 11 item standard yang ditetapkan serta diselenggara dengan baik:- <ol style="list-style-type: none"> i. 1x penganduh teleskopik ii. 1x pembalut besar yang disteril bagi kulit yang melecur dan luka (tidak kurang 76mm x 76mm) iii. 3x saiz sederhana pembalut luka yang disteril (pembalut kasa dan kapas atau kain tirus dan kapas yang tidak kurang dari 51mm x 51mm) iv. 1x gulung kapas yang disteril (tidak kurang ½ auns) v. 3x gulung kain pembalut(76mm x 5486mm) vi. 2x pembalut segi tiga atau 1x pembalut segi tiga dan 1 pembalut flanel(51mm x 2743mm) vii. 1x gulung pengikat pembedahan (tidak kurang 25mm x 2743mm atau 13mm x 4572mm)

- viii. 2x pasang forsep Spenser Wells tekanan yang tidak berkarat
- ix. 1x pasang gunting tahan karat
- x. 1x pasang pad mata
- xi. 1x kotak pin keselamatan yang kuat



Gambar 26

Alat Pemadam Api

- 1 unit 1kg bagi jenis Karbon Dioksida (CO₂) atau kimia kering 'ABC' (*Dry Chemical Powder*)
- Berkeadaan baik dan boleh digunakan
- Hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai, mudah dicapai bila diperlukan
- Rujuk Gambar 27



Gambar 27

PEMERIKSAAN KETELUSAN CAHAYA CERMIN

Cermin hadapan	70%
Cermin sisi hadapan kiri dan kanan	50%
Cermin sisi tengah kiri dan kanan	Tiada Had
Cermin belakang, cermin sisi belakang kiri dan kanan	Tiada Had
1/5 atau 20% daripada bahagian atas cermin hadapan dibenarkan gelap	

PIAWAIAN PEMERIKSAAN

Bil	Perkara Pemeriksaan	Unit	Kelulusan
i.	Ujian Asap (Enjin Diesel)	%	≤ 50
ii.	Gas Analisa (Enjin Petrol) Tahun dibuat pada atau selepas 1/1/1997: <i>Carbon Monoxide (CO)</i>	%	≤ 3.50
		Tahun dibuat pada atau selepas 1/1/1997: <i>Hydrocarbon (HC)</i>	ppm (part per mill.)
iii.	Ujian Gelincir Sisi	m/km	$-5 \geq x \geq +5$
iv.	Ujian Suspensi (BDM ≤ 2500 kg sahaja perlu diuji)	%	≥ 25

v.	Ujian Brek	Jenis Kenderaan	Kecekapan Brek Keseluruhan (%)	Imbalance Brek (%)	
			Tahun Dibuat ≥ 2010	Depan	Belakang
		Penumpang (≤ 8 PTP)	≥ 58	≤ 30	≤ 30
		Penumpang (> 8 PTP)	≥ 50	≤ 30	≤ 30
Catatan: Had lulus bagi brek tangan adalah $\geq 15\%$. Diuji bagi kenderaan BDM $\leq 5999\text{kg}$ sahaja					

SOALAN LAZIM

PEMERIKSAAN KENDERAAN E-HAILING

1. Bilakah Kenderaan E-Hailing boleh diperiksa di PUSPAKOM?

- Bermula 1 April 2019.

2. Adakah semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM boleh menerima pemeriksaan bagi Kenderaan E-Hailing?

- Kenderaan E-Hailing boleh diperiksa di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM kecuali di 2 pusat pemeriksaan berikut :
 1. Pasir Gudang
 2. Shah Alam

3. Berapa kerapkah pemeriksaan bagi E-Hailing yang perlu dilakukan?

- Berkala Pertama - **Sekali sahaja bagi tujuan pendaftaran.**

Perlu dilakukan bagi kenderaan yang telah mencapai usia 3 tahun*.

Ianya bertujuan sebagai pendaftaran dengan pihak JPJ/APAD/LPKP sebagai E-Hailing untuk kenderaan yang berusia lebih 3 tahun*.

- Berkala - **Sekali pada setiap 12 bulan.**
Perlu dilakukan apabila kenderaan mencapai usia 3 tahun*.
Kenderaan e-hailing yang telah berdaftar dengan JPJ/APAD/LPKP ketika usia kenderaan kurang 3 tahun*.
- Berkala Semula - **Perlu dilakukan jika Gagal Pemeriksaan Berkala.**
Pemilik perlu hadir dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Gagal pemeriksaan.

**Usia kenderaan: CKD – daripada tarikh didaftarkan di JPJ
CBU – daripada tahun dibuat oleh pengeluar kenderaan*

4. Apakah dokumen yang diperlukan bagi Pemeriksaan Berkala Kenderaan E-Hailing?

- Kad Pendaftaran Kenderaan (Asal) / Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) / Salinan Kad Pendaftaran Kenderaan (disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan).
- Permit Kenderaan E-Hailing (No. Rujukan Permit / eVP)

LAIN-LAIN MENGENAI PEMERIKSAAN KENDERAAN E-HAILING

5. Adakah pemilik Kenderaan E-Hailing akan menerima Perakuan Pemeriksaan PUSPAKOM dan perlu dipamerkan pada kenderaan?
 - Ya dan ianya perlu dipamerkan di cermin hadapan kenderaan.
6. Jika saya tidak lagi menjalankan perkhidmatan E-Hailing, apakah yang perlu dilakukan pada kenderaan? Adakah saya perlu menukar status kegunaan kenderaan tersebut?
 - Pemeriksaan Khas (B2) – Tukar Kegunaan perlu dilakukan dan kemudian lakukan pengesahan di JPJ.
7. Jika saya ingin menjual kenderaan kepada pemilik persendirian, apakah yang perlu dilakukan bagi proses pemeriksaan?
 - Pemeriksaan Khas (B2) – Tukar Kegunaan dan Pemeriksaan Tukar Milik dilakukan dan ianya boleh dibuat serentak, kemudian lakukan pengesahan di JPJ.

8. Bolehkah saya menggunakan Perkhidmatan Unit Bergerak Trak (*Mobile Truck Services*) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas Kenderaan E-Hailing?

- Boleh dilakukan di lokasi Jadual Perkhidmatan MTS yang telah ditetapkan (Rujuk sesawang kami di <http://www.puspakom.com.my/visiting-site/?lang=ms>). Selain daripada lokasi yang ditetapkan, pemilik perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak JPJ KA bagi menggunakan Perkhidmatan MTS.

9. Bahan api yang digunakan oleh kenderaan adalah NGV tapi tidak pernah didaftarkan (tidak pernah *endorsed*). Adakah pemeriksaan saya akan digagalkan?

- Pemeriksaan akan GAGAL. Sila lakukan Pemeriksaan Khas (B2) – Pemasangan NGV, sertakan surat pemasangan daripada bengkel yang berdaftar.

10. Saya memasang tinted pada lampu kenderaan, adakah ianya dibolehkan?

- Boleh, selagi tidak mengubah pancaran lampu yang dibenarkan.

11. Adakah kenderaan perlu berkeadaan asal bagi membolehkan saya LULUS pemeriksaan?

- Ya, modifikasi yang ekstrem tidak dibenarkan.

MAKLUMBALAS BERHUBUNG PEMERIKSAAN KENDERAAN

- Sekiranya anda mempunyai sebarang maklumbalas berhubung Pemeriksaan Kenderaan di PUSPAKOM, sila maklumkan kepada saluran berikut :

i. **E-mel**

customerservice@puspakom.com.my

ii. **Nombor Telefon**

03-5101 7000

iii. **E-Aduan PUSPAKOM**

<https://eaduan.puspakom.com.my/>

WHISTLEBLOWER POLICY

- Sekiranya anda mengesyaki atau mengetahui sebarang salah laku, sila maklumkan kepada mana-mana individu berikut melalui emel, telefon atau surat-menyurat.
 - i. **Emel**
whistleblowing@drb-hicom.com
 - ii. **Nombor Telefon**
1-800-88-2005
 - iii. **Surat-Menyurat**
Bahagian Audit Dalaman Kumpulan
DRB-HICOM Berhad
Tingkat 5, Wisma DRB-HICOM
No.2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

TERMA & SYARAT

- Buku Panduan ini adalah sebagai rujukan am sahaja.
- Buku Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
- Walaupun setiap usaha telah dibuat untuk menyemak ketepatan penerbitan Buku Panduan ini, segala kemusykilan boleh merujuk kepada Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan, PUSPAKOM Sdn Bhd.
- Terbitan : 1 Mac 2019
- Kemaskini : 2 Julai 2021

RUJUKAN

1.0	Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
2.0	Kaedah Pengangkutan Jalan
3.0	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
4.0	Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987
5.0	Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6.0	Arahan Semasa Pihak Berkuasa (JPJ, JAS, APAD, LPKP)
7.0	Arahan Operasi Semasa PUSPAKOM
8.0	<i>Standard Operating Procedures</i> PUSPAKOM